

## KENYATAAN AKHBAR

### TARIKBALIK DUA PRODUK PENGILAT KUKU JENAMA 'SKIN FOOD' YANG DIKESAN MENGANDUNGI *BENZENE* OLEH *HEALTH SCIENCES AUTHORITY (HSA), SINGAPORE*

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima *Post Marketing Alert* daripada *Health Sciences Authority (HSA), Singapore* mengenai tarikh balik dua (2) produk pengilat kuku buatan Korea jenama 'Skin Food Jojoba Pure Nail PK 004' dan 'Skin Food Milk Creamy Nail Base Coat' yang dikesan mengandungi bahan kimia benzene pada paras rendah iaitu 22.3 parts per million (ppm) dan 30.3ppm masing-masing.

Benzene adalah bahan organik yang boleh menyebabkan kanser dan dilarang penggunaannya dalam semua sediaan produk kosmetik di Malaysia, negara-negara ASEAN dan Kesatuan Eropah.

Produk 'Skin Food Milk Creamy Nail Base Coat (NOT07124125KE) tidak pernah diimport masuk ke pasaran Malaysia sejak ianya dinotifikasikan pada tahun 2007. Produk kedua, 'Skin Food Jojoba Pure Nail PK 004' (NOT06091091KE) telah diberhentikan pasarannya di Malaysia sejak dua (2) tahun yang lepas oleh kerana kurang permintaan. Susulan daripada status keselamatan terkini, notifikasi kedua-dua produk berkenaan telah ditarik balik.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk tidak menggunakan produk-produk ini atas isu keselamatan. Pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak BPFK di talian 03-78835532/5534 atau emailkan kepada [potm@bpfk.gov.my](mailto:potm@bpfk.gov.my) jika terdapat sebarang pertanyaan dan keraguan berhubung dengan kedua-dua produk ini.

DATO' EISAH BINTI A. RAHMAN  
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

29 Oktober 2010

## PRESS RELEASE

### **RECALL OF TWO 'SKIN FOOD' NAIL POLISH PRODUCTS FOUND TO CONTAIN TRACE AMOUNTS OF BENZENE BY THE *HEALTH SCIENCES AUTHORITY (HSA), SINGAPORE***

The National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB), Ministry of Health Malaysia had received a Post Marketing Alert from the Health Sciences Authority (HSA), Singapore regarding recall of two (2) nail polish products made in Korea namely 'Skin Food Jojoba Pure Nail PK 004' and 'Skin Food Milk Creamy Nail Base Coat' found to contain trace amounts of benzene at very low concentration levels of 22.3 parts per million (ppm) and 30.3ppm respectively.

Benzene is a cancer causing organic substance and is prohibited in all cosmetic product formulations in Malaysia, the ASEAN countries and European Union.

'Skin Food Milk Creamy Nail Base Coat' (NOT07124125KE) has never been imported to Malaysia despite notification approval in 2007. The second product, 'Skin Food Jojoba Pure Nail PK 004' (NOT06091091KE) had been discontinued from the Malaysia market since two (2) years ago due to poor demand. Following recent safety status, both products have been denotified.

The public is advised not to use these nail polish products due to safety reason. Any enquiries regarding these products can be forwarded to NPCB at 03-78835532/5534 or e-mail to [potm@bpfk.gov.my](mailto:potm@bpfk.gov.my).

DATO' EISAH BINTI A. RAHMAN  
Senior Director of Pharmaceutical Services  
Ministry of Health Malaysia

29 October 2010